

Headline	Hutan Simpan Krau jadi Lembah Biodiversiti	Language	MALAY
Date	13. May 2009	Page No	12
Media Title	Kosmo	Article Size	95 cm2
Section	Negara	Frequency	Daily
Circulation	120000	Color	Black/White
Readership	234000	AdValue	442.29



Hutan Simpan Krau jadi Lembah Biodiversiti

TEMERLOH - Hutan Simpan Krau di sini akan diwartakan sebagai Lembah Biodiversiti kerana dipenuhi tumbuhan herba yang kaya dengan pelbagai khasiat dan nilai komersial.

Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Sains, Teknologi dan Inovasi Pahang, Datuk Mohd. Sharkar Shamsuddin berkata, langkah itu bertujuan menggalakkan pakar-pakar tumbuhan dan herba tempatan melakukan penyelidikan di kawasan itu bagi memanfaatkan sumber semula jadi dan biologi terutama bidang perubatan.

Beliau berkata, para penyelidik perlu mengambil peluang itu apatah lagi Malaysia telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu antara 12 negara di dunia yang kaya dengan sumber biodiversiti.

"Kerajaan negeri sedang menyediakan pelan induk dan pangkalan data mengenai sumber biodiversiti bagi seluruh negeri Pahang terutamanya sumber Hutan Simpan Krau.

"Berdasarkan hasil kajian itu nanti, kerajaan negeri mungkin membuka ladang bagi menanam pokok herba yang berpotensi dan mempunyai nilai komersial yang mampu menjana pendapatan berbilion ringgit," katanya.

Mohd. Sharkar berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Ekspedisi Penyelidikan bagi memelihara sumber semula jadi biodiversiti di Institut Biodiversiti Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Lanchang di sini kelmarin.

Ekspedisi tiga hari itu dianjurkan oleh Pusat Kajian Herba Universiti Islam Antarabangsa (UIA) cawangan Kuantan dan Pahang BioSains yang melibatkan 40 penyelidik dari UIA, Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Perhilitan.